

IDEA INOVATIF PENGAPLIKASIAN KONSEP BLUE OCEAN STRATEGY DALAM PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Hamdan bin Haji Puteh, Fazni binti Mat Arifin,
Abdul Halim bin Ahmad dan Khairul Anuar bin Nordin

ABSTRACT

The concept of Blue Ocean Strategy was originally a business strategy that came about in 2005. In laymen's terms, Blue Ocean Strategy is an analogy to describe the wider, deeper potential of market space that is not yet explored. In the Malaysian Civil Service, where competition is not an issue, the concept of Blue Ocean Strategy can be translated into efforts to maximise on effective outcomes while minimising the cost incurred. It involves thinking out of the box through the application of creative and innovative methods but at minimum cost. This paper explains the implementation of Blue Ocean Strategy concept from the perspective of the Malaysian Public Service.

PENGENALAN

Perkhidmatan awam pada hari ini sedang berada di persimpangan yang cukup mencabar. Ia sedang mengalami satu proses adaptasi perubahan yang cukup drastik serta menuntut pelbagai inisiatif di luar kotak kelaziman. Di antaranya tuntutan untuk meruntuhkan mentaliti silo dan menggalakkan cara bekerja merentasi sempadan agensi melalui pendekatan penyelesaian kreatif (*creative solution*) menggunakan pendekatan kreatif dan inovatif ala *Blue Ocean Strategy* (BOS).

Perkhidmatan awam turut dituntut agar menyerapkan elemen kurangkan, hapuskan, wujudkan dan tambah peluang dalam setiap tindakan bagi memastikan perkhidmatan awam menyampaikan perkhidmatan terbaik dan memaksimumkan nilai untuk wang (*value for money*) di samping mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan hasil serta meminimumkan ketirisan. Ini selari dengan dasar kerajaan yang mementingkan pengurusan nilai atau *value management*. Seruan ini tidak hanya terhad kepada kerjasama antara agensi kerajaan, malahan mesti dilanjutkan lagi kepada sektor swasta, badan bukan kerajaan dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

Inisiatif ala BOS ini telah pun dilaksanakan di beberapa negara Barat. Misalnya di California, Amerika Syarikat, penggabungan dan penyelarasan fungsi agensi melibatkan pihak polis, bomba dan pengangkutan telah berjaya mengurangkan pertindihan tugas dan pembaziran. Pihak Berkuasa Tempatan di Suffolk, England telah menjimatkan sebanyak 30% daripada bajet sebanyak £1.1 bilion melalui *outsourcing* perkhidmatan-perkhidmatan tertentu kepada pihak swasta.

NKRA-MENGURANGKAN JENAYAH

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kadar jenayah di Malaysia semakin meningkat. Kadar Jenayah Indeks keseluruhannya telah meningkat daripada 746 kes yang dilaporkan bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2006 kepada 767 pada tahun 2007 iaitu kenaikan hampir 3%. Sumber Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa kes rogol telah meningkat 85% dari tahun 2004 hingga 2007. Kes samun yang melibatkan kekerasan meningkat sebanyak 61%, manakala kes pecah rumah turut merekodkan pertambahan sebanyak 35%. Ini tidak termasuk jenayah jalanan dan jenayah ini tidak boleh dipandang enteng kerana ia merupakan 17% daripada keseluruhan indeks jenayah tahun 2008.

Soal selidik Persepsi Awam (September 2009), Analisis Media (Mei 2009), Merdeka Poll (Jun 2009) dan Cabinet Polls (Julai 2009) telah memberikan isyarat yang jelas kepada Kerajaan berkenaan perkara yang menjadi fokus utama oleh rakyat, termasuklah pencegahan jenayah. Justeru, fenomena ini tidak boleh dibiarkan dan negara perlu mencari jalan penyelesaian segera agar persoalan sama ada Malaysia merupakan sebuah negara yang selamat atau tidak, tidak akan ditimbulkan sama ada oleh rakyat Malaysia atau pengunjung luar negara, lebih-lebih lagi pelabur asing. Oleh yang demikian, langkah Kerajaan adalah amat bijak dengan memilih pengurangan jenayah sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Walau bagaimanapun, NKRA yang disasarkan ini berhadapan dengan beberapa kekangan terutamanya dari segi kos, tenaga kerja dan masa. Dalam hubungan ini, YAB Perdana Menteri telah menyarankan agar semua pihak yang terlibat dalam Program Transformasi Kerajaan ini tidak boleh lagi menggunakan kaedah lama sebaliknya perlu menggunakan kaedah dan cara bekerja baru dengan berfikir di luar kotak.

Konsep *Blue Ocean Strategy* (BOS) mula diperkenalkan semasa Dialog Langkawi 2009. Perkhidmatan awam sebagai jentera Kerajaan khususnya perlu merancang, melaksana dan menggunakan sumber sedia ada secara optimum dengan mengambil kira aspek nilai untuk wang (*value for money*) agar dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Dengan kata lain, seruan ini adalah agar perkhidmatan awam menjadi lebih cekap, berkesan, kreatif, inovatif dan produktif.

PENUGASAN SEMULA ANGGOTA PDRM

Bukan mudah untuk mengatasi peningkatan kadar jenayah ini, lebih-lebih lagi dengan pertambahan bebanan tugas, kekurangan anggota dan peruntukan yang terhad. Senario ini menuntut penyelesaian yang tidak melibatkan pertambahan kos (*doing more with less*). Antara penekanan yang harus diberikan ialah pertambahan bilangan anggota polis untuk meronda di jalanan

dengan anggaran seramai 15,000 anggota tambahan. Namun situasi yang ada menunjukkan sasaran jumlah tersebut sukar dicapai kerana ramai juga anggota polis terlibat menjalankan tugas pentadbiran di balai-balai polis selain tugas kepolisan.

Kedadaan ini memerlukan pihak polis meneliti kembali keutamaan tugas mereka kerana peranan utama anggota polis adalah untuk mencegah jenayah dan kerja pentadbiran boleh dikurangkan. Bagi mengurangkan jenayah jalanan, inisiatif utama yang telah dijalankan ialah dengan meningkatkan kehadiran polis (*omnipresence*) di kawasan yang kerap berlaku jenayah, terutama sekali di kawasan panas (*hot spot*) yang telah dikenal pasti di empat buah negeri. Sejajar dengan konsep menumpukan polis kepada hal kepolisan, mahu tidak mahu penempatan anggota polis perlu diperincikan semula. Sejak Mac 2005 lagi, Suruhanjaya DiRaja bagi Operasi dan Pengurusan Pasukan Polis telah mencadangkan bahawa 30% daripada kerja dalam pasukan polis boleh diuruskan oleh orang awam. Cadangan ini memberikan pihak polis lebih banyak masa untuk pencegahan dan pengurangan jenayah.

Penstrukturan dan penugasan semula PDRM telah dibincangkan secara bersama di antara Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam menetapkan anggaran Bajet 2010. Inisiatif penstrukturan semula pasukan polis ini telah dilaksanakan dan apabila penstrukturan ini dibuat, seramai 7,402 pegawai polis yang selama ini menjalankan tugas bukan teras telah ditempatkan semula untuk menjalankan tugas pencegahan jenayah dan tempat mereka diambil alih oleh 4,279 penjawat awam bukan beruniform / guna sama. Secara keseluruhan, berdasarkan Laporan Tahunan 2010 Program Transformasi Kerajaan, seramai 14,222 pegawai polis telah diatur semula di kawasan-kawasan panas yang dikenal pasti.

KERJASAMA PDRM DAN AGENSI PENGUATKUASAAN LAIN

Dengan perubahan ini, kekuatan polis telah berjaya diperkukuhkan namun penambahan anggota masih diperlukan bagi mengimbangi jenayah yang semakin meningkat. Pilihan yang ada ialah dengan mendapatkan kerjasama daripada pihak lain seperti Polis Bantuan (AP) supaya sesetengah tugas yang kini dilakukan oleh pihak polis dapat diambil alih oleh kakitangan separa mahir, misalnya tugas mengiringi orang kenamaan, membuat rondaan biasa serta mengambil laporan awal daripada mangsa dan saksi. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun dan syarikat swasta yang kini menggaji dan menguruskan pasukan Polis Bantuan mereka sendiri boleh memberikan bantuan secara sukarela supaya PDRM dapat memberikan kakitangan polis yang terlatih lebih banyak masa untuk melakukan tugas-tugas lain. Komitmen kerjasama di antara KDN dengan GLC, PBT, badan berkanun dan syarikat swasta bagi menjayakan NKRA Mengurangkan Jenayah telah ditandatangani pada April 2010. Bentuk kerjasama dan sumbangan yang telah

dipersetujui dan dikenal pasti melibatkan penajaan balai polis bergerak dan pondok bit polis, peluasan liputan CCTV serta peluasan kawasan penugasan dan rondaan Polis Bantuan di luar premis masing-masing.

Kekuatan tambahan ini telah memberi ruang dan peluang kepada pihak polis untuk melaksanakan pelbagai program khusus bagi meningkatkan rasa selamat di kalangan rakyat. Antara program tersebut ialah Kepolisan Berprofil Tinggi yang menuntut pegawai-pegawai kanan polis melakukan tinjauan mesra di kawasan-kawasan komersial, jalanan dan kawasan perumahan, sekurang-kurangnya 3 jam dalam seminggu. Selain itu program Berhenti dan Berbual (*Stop and Talk*) pula menetapkan semua kenderaan peronda polis (MPV) dan Polis Masyarakat (POLMAS) berhenti untuk berbual bersama orang awam selama 10 hingga 15 minit bagi setiap jam ketika rondaan biasa. Program ini sekali gus telah menonjolkan imej baru PDRM yang mesra rakyat.

Penglibatan rakyat dalam membanteras jenayah amatlah penting dan usaha ini adalah tanggung jawab bersama. Dalam usaha memperbaiki dan memperluaskan program rondaan jalanan (*feet on street*), polis dengan bantuan sukarelawan akan membuat rondaan di kawasan-kawasan panas untuk mencegah jenayah dan meningkatkan kehadiran polis. Program penyertaan orang awam dalam pasukan sukarela seperti Ikatan Relawan Rakyat (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) akan menambahkan bilangan sukarelawan yang sedia ada dalam membantu polis membuat rondaan dan melakukan tugas-tugas lain. Selain daripada itu, program Rakan COP melalui SMS turut memperluaskan lagi peluang orang awam dalam mencegah jenayah. Hasilnya, pada tahun 2010, seramai 4,979 ahli RELA dan anggota JPAM bergerak bersama dalam masyarakat.

Penjenamaan semula RELA telah dibuat melalui Skwad Muda RELA bagi menarik minat generasi muda. Ahli skuad yang berpotensi dan berminat akan diserap sebagai Sukarelawan Polis (PVR). Di samping itu program Bandar Selamat turut menggabungkan PDRM, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain badan yang berkenaan untuk menangani masalah tempatan melalui inisiatif yang disesuaikan dengan keperluan tempatan dan tindakan yang lebih praktikal. Sebagai contoh, melalui program Rukun Tetangga, anggota RELA diupah untuk mengawasi taman-taman perumahan. Secara tidak langsung dapat mengurangkan bebanan tugas anggota polis dan membolehkan mereka menumpukan kepada usaha pencegahan jenayah. Secara keseluruhan, di bawah 2,168 Skim Rondaan Sukarela (SRS), sejumlah 108,400 ahli telah dikumpulkan untuk melakukan rondaan, sementara di bawah Rakan COP, 387,734 ahli yang berdaftar telah memainkan peranan sebagai 'mata dan telinga' dalam usaha memerangi jenayah.

KERJASAMA PDRM-ATM

Oleh kerana tiada desakan keperluan operasi khusus seperti masa yang lalu, kerjasama daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) boleh dimanfaatkan oleh PDRM. Polis Tentera (*Military Police*) boleh bekerjasama dengan anggota polis dalam membuat rondaan di jalanan serta menjalankan sekatan jalan raya. Kerjasama ini telah menjimatkan kos latihan serta membantu menambahkan bilangan anggota.

Dalam masa yang sama pihak polis turut menggunakan anggota daripada Pasukan Gerak Am/Polis Hutan (PGA) yang bertugas mengawal sempadan untuk menjalankan rondaan jenayah serta membantu membuat sekatan jalan raya. Tugas PGA akan diambil alih oleh ATM untuk mengawal sempadan.

Namun, bilangan anggota polis di jalanan masih belum mencapai sasaran. Justeru, pengambilan anggota polis masih perlu ditingkatkan. Kaedah lain adalah dengan menawarkan anggota tentera yang bersara awal dalam usia di antara 35 sehingga 45 tahun dan masih produktif dengan jawatan berkenaan. Dengan menyerapkan bekas anggota tentera ke dalam perkhidmatan polis yang tidak jauh berbeza dari tugas mereka sebelum ini, kos dan tempoh latihan dapat dijimatkan. Ini kerana tempoh penyesuaian hanya akan mengambil masa yang lebih singkat iaitu selama 3 bulan berbanding tempoh 6 bulan bagi melatih rekrut polis baru.

LATIHAN ANGGOTA PDRM DI KEM ATM

Pengambilan generasi pelapis anggota polis juga akan tetap diteruskan terutamanya dengan imej polis yang semakin mendekati diri dengan masyarakat. Latihan masih perlu diberikan untuk memahirkan anggota dalam tugas mereka. Walau bagaimanapun pihak polis menghadapi kekangan pengambilan kerana Pusat Latihan Polis sedia ada hanya mempunyai tempat terhad untuk melatih anggota baru bagi satu tempoh masa tertentu.

Sebagaimana PDRM, ATM juga mempunyai pusat latihannya sendiri seperti Pusat Asas Latihan Tentera Darat (PUSASDA) di Port Dickson dan Pusat Latihan Tentera Laut di KD Sultan Ismail di Kota Tinggi. Sehubungan itu, pihak polis juga boleh memanfaatkan kemudahan latihan ini untuk melatih rekrut polis secara serentak bagi menjimatkan kos dan juga masa menunggu giliran latihan. Pada peringkat awal, seramai 1,000 pelatih polis ditempatkan di PUSASDA dan 600 pelatih lagi akan ditempatkan di Pangkalan TLDM Tanjung Pengelih (PULAREK) selama enam bulan. Antara kemudahan yang diberikan oleh ATM meliputi dewan makan, kelas, blok penginapan, padang kawad serta kelengkapan lain dan khidmat jurulatih.

Pertambahan anggota penguatkuasaan di jalanan akan menyebabkan kadar jenayah dapat dikurangkan dan semakin ramai penjenayah dapat ditangkap. Pada masa yang sama, prosedur baru dan perbicaraan kes-kes jenayah kekerasan telah dipercepatkan dengan kerjasama antara PDRM, Jabatan Peguam Negara dan Mahkamah Persekutuan. Kerjasama ini juga menyaksikan penubuhan mahkamah khas untuk jenayah jalanan. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 2,001 kes jenayah kekerasan diselesaikan dan 5,222 jenayah kekerasan telah dibawa ke muka pengadilan. Antara contoh kerjasama di antara PDRM dengan Jabatan Peguam Negara adalah dalam bentuk bimbingan daripada Timbalan Pendakwa Raya kepada Pegawai Penyiasat berhubung bahan bukti yang diperlukan untuk mendakwa sesuatu kesalahan. Pesalah kali pertama, pesalah bawah umur dan pesalah jenayah ringan akan dikenakan hukuman singkat atau berbentuk khidmat masyarakat berdasarkan Akta Kehadiran Wajib 1954. Akta ini juga membenarkan hukuman berbentuk khidmat masyarakat dan vokasional di luar penjara bagi memulihkan serta menghukum mereka atas jenayah yang dilakukan. Pesalah-pesalah ini boleh bekerja atau berkursus di agensi-agensi kerajaan, syarikat swasta atau badan bukan kerajaan (NGO) dan secara tidak langsung membantu proses pemulihan banduan.

PROGRAM PEMULIHAN PEMASYARAKATAN

Namun demikian, isu kesesakan penjara masih tidak dapat diselesaikan. Di manakah banduan-banduan ini akan ditempatkan dengan kapasiti fasiliti yang terhad? Jawapan yang paling mudah dan munasabah adalah dengan menambah jumlah penjara. Walau bagaimanapun ini akan mengakibatkan peningkatan kos pembinaan dan pengurusan penjara baru selain masalah kesukaran mencari lokasi yang bersesuaian. Justeru bagi mengelakkan perkara ini, fasiliti-fasiliti Kerajaan yang lain perlu dioptimumkan. Lokasi tersebut perlu mempunyai ciri-ciri kawalan yang tinggi dan kem tentera didapati mempunyai ciri-ciri tersebut, di samping terdapatnya kem tentera di hampir setiap negeri. ATM adalah antara agensi kerajaan yang pertama terlibat dalam program pemulihan pemasyarakatan ini. Namun ia tidaklah mengubah peranan ATM daripada tanggungjawab kawalan keselamatan negara kerana kawalan banduan masih terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Penjara. Pihak ATM telah bekerjasama membantu dari segi kawalan, khidmat jurulatih, bimbingan kerohanian dan latihan jasmani. Ini merupakan permulaan kerjasama antara Jabatan Penjara dengan lain-lain agensi Kerajaan.

Sedikit pengubahsuaian kepada fasiliti kem sedia ada diperlukan dengan pembinaan bangunan bagi menempatkan banduan di kem-kem tersebut. Sebagai langkah pertama untuk memasyarakatkan banduan yang terlibat di bawah program ini, mereka tidak lagi dipanggil banduan sebaliknya 'orang yang diselia'. Tenaga mereka boleh digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja penjagaan kawasan seperti penyelenggaraan dan pembaikan kecil, pengindahan kawasan atau *landscaping*, pemetongan rumput, mencuci bangunan, kerja-kerja pembaikan umum seperti mengecat, memasang pintu, pendawaian dan pembaikan kecil. Di kem tertentu, mereka akan turut terlibat dengan

aktiviti pertanian, perikanan dan perusahaan. 'Orang yang diselia' ini akan dibayar elaun untuk kerja-kerja yang dilakukan untuk kegunaan semasa dalam tahanan dan apabila dibebaskan kelak. Selain itu, mereka juga akan diinsuranskan secara berkelompok. Sekurang-kurangnya kemahiran yang ditimba akan membantu mereka untuk menempatkan diri dalam masyarakat, menyediakan peluang untuk menjalani hidup di luar penjara dan mengurangkan kes banduan berulang (*residivis*). Malahan, Kor Pendidikan Angkatan Tentera turut bersedia mengadakan kelas malam untuk 'orang yang diselia' sekiranya ada yang berminat menduduki peperiksaan.

Program Pemulihan Pemasarakatan *Community Rehabilitation Programme* (CRP) ini telah memberikan jumlah penjimatan yang besar kepada Kerajaan sekiranya dibandingkan dengan kos pembinaan penjara baru. Walaupun melibatkan kos yang dianggarkan sebanyak RM4 juta bagi menempatkan banduan di kem tentera, jumlah ini amatlah kecil berbanding kos untuk membina sebuah penjara baru yang memakan belanja RM40 juta. Selain itu, pengurangan kos selenggaraan kem-kem tentera dapat dilaksanakan dengan menggunakan khidmat banduan. Aktiviti perladangan, perikanan dan perusahaan akan dapat memberikan pendapatan bukan sahaja kepada banduan tetapi kepada Kerajaan. Keuntungan daripada aktiviti-aktiviti ini akan disalurkan 40% kepada Kerajaan, 25% kepada Tabung Kebajikan Rejimen, 25% kepada Akaun Amanah Penjara dan 10% kepada Yayasan Veteran ATM.

Program CRP ini diharap menjadi perintis kepada kerjasama polis, tentera dan pihak penjara bagi meningkatkan lagi imej jabatan berkenaan. Terkini, usaha memulihkan dan memasyarakatkan banduan diperkukuhkan lagi dengan pembinaan Rumah Perantaraan oleh Jabatan Penjara untuk menempatkan banduan yang baru dibebaskan dari penjara sebelum mereka mendapat pekerjaan. Dua rumah berkenaan yang akan menempatkan bekas banduan selama tiga bulan telah mula digunakan masing-masing satu di Kuala Lumpur dan Johor yang menempatkan 24 orang bekas banduan. Seterusnya, jabatan berkenaan akan membina Rumah Perantaraan di Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Kelantan dan Sabah.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR OLEH ATM

Dengan keamanan negara pada masa ini, tiada keperluan bagi pihak ATM menjalankan operasi khusus di dalam negara serta kurangnya penglibatan mereka dengan operasi di luar negara. Mereka pastinya memerlukan platform lain untuk meneruskan aktiviti. Antara keistimewaan pada anggota ATM adalah mereka mempunyai kemahiran mengikut kor-kor yang tertentu contohnya Kor Kejuruteraan dan Mekanikal, Kor Kesihatan serta kor perkhidmatan yang lain. Banyak peluang boleh diterokai dalam bidang tertentu dengan menggunakan kepakaran yang sedia ada di dalam ATM ini dengan bayaran yang lebih murah daripada dikontrakkan.

Kemahiran dan kepakaran anggota tentera ini boleh dimanfaatkan untuk menyumbang kepada projek-projek pembinaan rumah bagi penduduk miskin dan orang asli seperti yang dilaksanakan di Kampung Bukit Payung di Alor Gajah, Melaka dan Projek Perumahan Rakyat di Serian, Sarawak. Tenaga ATM yang berkemahiran ini juga boleh disalurkan untuk membantu pembangunan kawasan pedalaman contohnya membina dan memperbaiki rumah orang miskin, jambatan, lampu jalan dan menyediakan bekalan air serta membina jalan kampung. Usaha ini dapat membantu Kerajaan melahirkan keprihatinannya terhadap kebajikan mereka yang berada di luar bandar di samping dapat mendekatkan ATM dengan masyarakat. PDRM telah memulakan usaha penjenamaan imej ini dan ATM pastinya tidak mahu ketinggalan untuk meningkatkan imej ATM di mata masyarakat.

Secara tidak langsung program Jiwa Murni oleh ATM juga menyokong satu lagi bidang keutamaan Kerajaan di bawah NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar di mana penambahbaikan penyediaan kemudahan infrastruktur asas untuk rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar turut diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan. Kemudahan infrastruktur jalan raya, perumahan penduduk miskin, bekalan air dan elektrik adalah penting untuk kesihatan serta perkembangan sosiobudaya penduduk Malaysia terutamanya yang tinggal di pedalaman dan negeri seperti Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, anggota ATM telah membantu dari segi penyediaan infrastruktur luar bandar seperti membina kolam takungan serta paip graviti bagi kemudahan air bersih yang dilaksanakan di Kampung Sg. Buru di Serian, Sarawak.

AKTIVITI PERTANIAN DI FASILITI ATM

Di samping itu, terdapat sejumlah besar tanah milik Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek pembangunan ATM di seluruh negara. Ia perlu dimanfaatkan dengan projek-projek jangka pendek yang boleh mendatangkan hasil sekurang-kurangnya untuk meningkatkan pendapatan atau pulangan kepada pihak Kerajaan. Selain daripada itu, terdapat tanah-tanah yang belum dibangunkan milik Kerajaan Persekutuan di seluruh negara yang dianggarkan bernilai RM1.3 trillion termasuk tanah rizab Kerajaan. Terdapat juga tanah milik PDRM, Kementerian Kesihatan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pertanian, Kementerian Pelajaran dan sebagainya. Ianya telah dimanfaatkan dengan projek-projek pertanian berhasil tinggi seperti *rock melon*, sayur-sayuran organik selain daripada tanaman berjangka sederhana seperti pisang dan betik sama ada diusahakan sendiri oleh agensi pemilik atau diusahakan oleh penduduk luar bandar, belia atau graduan menganggur. Sekali gus usaha ini juga boleh membantu melahirkan golongan usahawan tani yang mana latihan dan kemahiran pengurusan boleh diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia dan khidmat nasihat oleh Kementerian Pertanian dan agensi di bawahnya. Paling utama penggunaan sumber sedia ada bukan sahaja dapat dioptimumkan malah dapat menjana ekonomi dan pendapatan negara dengan aktiviti komersil bernilai tinggi.

Faedah projek pembangunan tanah melalui aktiviti pertanian ini sememangnya tidak terhad kepada janaan hasil semata-mata. Manfaat yang lebih besar adalah dalam bentuk peningkatan pendapatan penduduk luar bandar tanpa perlu memindahkan mereka ke lokasi lain seperti projek FELDA. Sebaliknya, pembangunan tanah secara 'in-situ' sebagai mana yang dijalankan oleh FELCRA di mana kawasan pertanian sedia ada dimajukan dengan tanaman bermutu tinggi dan baka tanaman yang lebih baik. Bagi golongan penduduk miskin tegar, peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah boleh dimanfaatkan dengan mengenal pasti bidang tanah yang sesuai untuk diusahakan dengan bantuan sewajarnya untuk mereka menjalankan projek-projek pertanian berdaya maju untuk sara diri dan dijual bagi meningkatkan pendapatan sekali gus mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan. Dalam hubungan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah menjalin kerjasama yang erat dengan beberapa kementerian dan agensi lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk inisiatif AZAM Tani, Kementerian Sumber Manusia untuk AZAM Kerja, Amanah Ikhtiar Malaysia untuk AZAM Niaga dan AZAM Khidmat, Kementerian Kesihatan untuk program nutrisi bagi kanak-kanak isi rumah berpendapatan rendah manakala Kementerian Pelajaran untuk projek menaikkan taraf sekolah daif.

PENUTUP

Usaha-usaha sinergistik yang telah dinyatakan di atas adalah antara beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Tidak pernah dalam sejarah agensi yang ada pertindihan fungsi dapat bersepakat berkongsi sumber, kepakaran dan tenaga bagi menjimatkan kos operasi di samping secara tidak langsung menjana pendapatan negara melalui pemikiran kreatif dan inovatif.

RUJUKAN

- Jabatan Perdana Menteri, (2010). Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan.
- Jabatan Perdana Menteri, (2011). Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan.
- Berita Harian (2011). Serap Empat Elemen Lautan Biru, 5 April 2011.
- Berita Harian (2011). Polis, Tentera Perangi Jenayah di 4 Negeri, 4 Januari 2011.
- Utusan Malaysia (2010). Polis Tentera Perlu Dirombak, 14 November 2010.
- Joining Forces, <http://www.accenture.com/us-en/outlook/pages/outlook-journal-2011-joining-forces-public-service.aspx>
- <http://www.pemandu.gov.my/gtp/>
- Pencapaian NKRA Ke Arah Pengurangan Indeks Jenayah Dari Perspektif KDN (2010). Kementerian Dalam Negeri.